

-- Peruntukan kewangan kepada Kelantan

# Pusat tidak berhasrat tarik balik – Mahathir

10 AUG 1991

SHAH ALAM 9 Ogos -- Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan Pusat tidak berniat menghalang atau menarik balik peruntukan kewangan pembangunan untuk Kelantan.

Pada masa yang sama, katanya, soal peruntukan pembangunan tidak seharusnya dijadikan isu politik dengan mengatakan walaupun tidak menyokong Kerajaan Pusat tetapi kerajaan negeri masih mendapat bantuan.

Keadaan tersebut, tegas beliau boleh menimbulkan keadaan tidak senang kepada Kerajaan Pusat.

Bercakap kepada para pemberita mengenai pertemuannya dengan Menteri Besar Kelantan, Haini Nik Aziz Nik Mat di pejabatnya pagi ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak menafikan kemungkinan Kerajaan Pusat dan Negeri Kelantan boleh mengadakan hubungan yang baik.

Menurut beliau, semuanya bergantung kepada reaksi masing-masing selepas ini.

"Dalam pertemuan itu, kami telah bertukar-tukar fikiran khususnya mengenai kemungkinan mengadakan kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri dan saya menegaskan bahawa Kerajaan Pusat tidak berniat menghalang pembangunan Negeri Kelantan atau menyekat peruntukan ke negeri itu," jelas beliau.

Bagaimanapun di peringkat ini, katanya, bentuk kerjasama yang bakal diwujudkan masih belum dapat ditentukan lagi.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang Matsushita Air-Conditioning Corp. Sdn. Bhd., Matsushita Compressor and Motor Sdn. Bhd. dan upacara meletak batu asas Matsushita Air-Conditioning Research & Development Centre (R&D) di sini lewat petang ini.

Ketika ditanya sama ada pilihanraya kecil Kelantan di Limbungan dan Sungai Pinang boleh memberi kesan kepada usaha mengadakan hubungan baik itu, Perdana Menteri berkata, pilihanraya kecil perlu dijalankan kerana ia adalah soal politik dan oleh itu ia perlu diuruskan seperti biasa

"Kita mesti tumpukan perkara ini (rundingan) melalui dua pendekatan yang berbeza kerana soal kerjasama dalam bidang pentadbiran dan pilihanraya adalah dua perkara yang berbeza," jelas Perdana Menteri.

Katanya, dalam pertemuan itu, beliau juga telah menyatakan bahawa agama tidak seharusnya dicampur aduk dengan politik.

"Ini adalah pendapat saya dan sama ada beliau (Haji Nik Aziz) menerima atau sebaliknya terpulanglah kepada beliau," tambahnya.

Ditanya sama ada dalam pertemuan tersebut, Haji Nik Aziz telah menyuarakan perkara-perkara yang beliau tidak senangi, Perdana Menteri berkata:

"Dia (Haji Nik Aziz) tidak senang dengan tuduhan yang berkaitan dengan agama."

Menjawab satu lagi soalan, bahawa dengan perkembangan itu UMNO kini bersedia untuk mengadakan muzakarah dengan Pas, Perdana Menteri berkata: "Kita masih belum sampai ke tahap itu."

Pertemuan hari ini diadakan di atas permintaan Haini Nik Aziz dan merupakan pertemuan pertama di antara Menteh Besar itu dengan Perdana Menteri selepas pilihanraya umum Oktober lalu.

Sebelum ini mereka pernah bertemu dalam satu majlis perasmian Jambatan Pasir Mas -- Salur di Kelantan yang dilakukan oleh Perdana Menteri 30 Mei lalu.